

## HARTA SEPENCARIAN DAN WARISAN DALAM KONTEKS STRATEGI MODEL BAHARU FELDA: SATU PELAN INOVASI WARISAN KELUARGA

### JOINTLY ACQUIRED AND HERITAGE PROPERTY IN THE CONTEXT OF FELDA'S NEW MODEL STRATEGY: A FAMILY HERITAGE INNOVATION PLAN

Nur Sarah Tajul Urus<sup>i</sup> Mus'ab Yusoff<sup>ii</sup> Maffuza Salleh<sup>iii</sup> Rabi'ah Muhammad Serji<sup>iv</sup>  
Naziree Mohd Yusof<sup>v</sup>

i Pensyarah, Kulliyah of Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman,

[nursarah@unishams.edu.my](mailto:nursarah@unishams.edu.my)

ii Pensyarah, Kulliyah of Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman,

[mus'ab@unishams.edu.my](mailto:mus'ab@unishams.edu.my)

iii Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, [maffuza@kuis.edu.my](mailto:maffuza@kuis.edu.my)

iv Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, [rabiah@kuis.edu.my](mailto:rabiah@kuis.edu.my)

v Pensyarah, Fakulti Undang-undang & Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, [naziree@unisza.edu.my](mailto:naziree@unisza.edu.my)

Abstrak	Abstract
<p>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mulai berspektrum inovasi apabila Strategi Model Baharu FELDA yang melalui proses evolusi dalam kepompongnya yang tersendiri mula dilancarkan pada tahun 2020. Strategi Model Baharu ini memberi impak yang signifikan dalam usaha menentukan visi dan halatuju FELDA dalam mengubah mentaliti peneroka dan meremajakan FELDA seterusnya memacu aspek penggunaan teknologi moden, mekanisasi, automasi dan pertanian pintar secara bersepadu. Selain itu, pelaksanaan kepelbagaian tanaman di ladang seperti nanas, halia muda, kunyit hitam dan herba. FELDA merupakan ejensi kerajaan Malaysia yang menangani penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin</p>	<p>The Federal Land Development Authority (FELDA) began its innovation concept when FELDA's New Model Strategy which went through the evolutionary process in its own distinctive niche was first launched in 2020. The New Model Strategy has a significant impact on the efforts to determine FELDA's vision and direction in changing the mentality of the settlers and rejuvenating FELDA thus driving the aspect of the integrated use of modern technology, mechanization, automation and intelligent agriculture. Besides that, the implementation of the diversity of crops on farms such as pineapple, young ginger, black turmeric and herbs. FELDA is a Malaysian government agent that addresses the relocation of poor rural people to newly developed areas to improve their economic status. Felde's original main focus was the</p>

ke kawasan yang baru dibangun untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Fokus utama FELDA yang asal adalah pembukaan ladang-ladang pekebun kecil untuk tanaman kontan. Suami isteri peneroka FELDA berganding bahu dalam melestarikan hasrat FELDA dalam menambah pendapatan isi rumah seharian. Lazimnya, konflik muncul apabila berlaku kematian atau perceraian peneroka FELDA dan isteri atau waris yang membuat tuntutan harta. Isu tanah FELDA mula dibincangkan berdasarkan jenis hakmilik tanah dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan sekatan perundangan dalam Seksyen 14(2) Akta Tanah Berkelompok 1960. Wujud kecelaruan dalam pemahaman tanah FELDA sehingga keputusan Mahkamah Tinggi Syariah, pelaksanaan di Jabatan Tanah dan Galian serta pandangan perunding perancangan harta berkaitan kes harta sepencarian, hibah dan pusaka tersasar dari maksud sebenar. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui konsep harta sepencarian dan warisan dalam isu tanah FELDA berdasarkan hukum fiqah dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana beberapa kes telah dipilih secara rawak dan dianalisis. Kaedah pengumpulan utama ialah sumber sekunder terdiri daripada buku dan informasi digital serta kes. Hasil analisis mendedahkan harta sepencarian dan warisan telah menjadi amalan peneroka FELDA sejak generasi kedua dan ketiga. Kajian ini mencadangkan supaya satu pelan inovasi strategik dapat diperkenalkan secara berterusan untuk memastikan hubungan silaturrahim keluarga dalam kalangan FELDA dapat dipelihara dan terhindar daripada perkelahian generasi ke generasi mendatang hanya kerana isu ini.

**(Kata Kunci: Harta Sepencarian & Warisan - Strategi Model Baharu FELDA - Inovasi -Warisan Keluarga)**

opening of smallholder farms for contemporary crops. Felda settlers' husband work hand-in-hand in sustaining FELDA's aspiration to increase daily household income. Typically, conflicts appear when the death or divorce of FELDA settlers and their wives or heirs who make property claims. Felda land issues were discussed based on the types of land titles in the National Land Code 1965 and legal restrictions in Section 14(2) of the Group Land Act 1960. There was a disorientation in FELDA's land understanding until the decision of the Syariah High Court, the implementation of the Department of Land and Mines as well as the views of property planning consultants on cases of sects, hibah and inheritance were targeted at the actual meaning. The main objective of this study is to know the concept of jointly acquired and heritage property in FELDA land issues based on fiqh perspective and the provisions of law in Malaysia. The study is qualitative in which some cases have been randomly selected and analyzed. The main collection method is secondary sources comprising digital books and information as well as cases. The results of the analysis revealed that jointly acquired and heritage property have been the practice of FELDA settlers since the second and third generations. This study proposes that a strategic innovation plan can be introduced continuously to ensure that family relationships among FELDA can be preserved and avoided from generation to the next generation only because of this issue.

**(Keywords: Jointly Acquired Property; Heritage - FELDA's New Model Strategy - Innovation -Family Heritage)**

## **PENDAHULUAN**

Penganjuran Persidangan Antarabangsa dalam Isu-Isu Berkaitan Harta Sepencarian Secara Atas Talian (ICJAP 2020) yang bertemakan “Harta Sepencarian: Antara Kemaslahatan dan Kemudaratan Melalui Dimensi Syariah dan Undang-Undang” adalah amat bertepatan dalam merungkai ilmu syariah secara lebih segar menerusi kaedah baharu agar dapat diadaptasi ke dalam pengkanunan undang-undang.

Masyarakat Islam hari ini berhadapan dengan cabaran mengenai kefahaman maksud sebenar berkaitan masalah dan mudarat. Secara dasarnya, masalah dapat diertikan sebagai manfaat, faedah, kebaikan, kegunaan dan sebagainya. Manakala, mudarat membawa maksud sesuatu yang tidak menguntungkan atau mendatangkan kerugian. Sesuai dengan tema “Harta Sepencarian: Antara Kemaslahatan dan Kemudaratan Melalui Dimensi Syariah dan Undang-Undang” adalah bertujuan untuk mencari jalan tengah dan titik persamaan agar tidak timbul fahaman ekstrim atau sikap tidak ambil kisah berkaitan polemik ini. Walaupun isu harta sepencarian pernah dibincangkan 10 tahun yang lalu, namun isu ini kekal relevan untuk dibahaskan dan dibicarakan semula pada persidangan ini agar masyarakat Islam terus peka dan prihatin serta dapat menambahbaik secara berterusan dalam pelaksanaan kaedah fatwa dan perundangan negara.

Umumnya, harta sepencarian dapat dilakarkan sebagai harta yang terkumpul sepanjang perkahwinan sama ada harta alih atau harta tidak alih. Amalan pembahagian harta sepencarian yang pada asalnya sering kali dikaitkan dengan perkongsian hidup suami isteri telah pun diiktiraf oleh Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia setelah dikanunkan dengan peruntukan khas yang terdapat setiap negeri. Manakala harta warisan pula dimaksudkan sebagai harta pusaka atau ilmu faraid. Maka, persidangan akademik seumpama ini dapat menjadi medium perbincangan yang baik bagi menghasilkan idea baharu dengan mengambil kira sumber hukum syarak yang utama, pandangan mazhab dan fatwa kontemporari. Perbincangan secara ilmiah mengenai peruntukan undang-undang dan fatwa-fatwa baru di Malaysia dan luar negara akan memberikan implikasi yang mendalam terhadap penerimaan global dan perspektif secara relatif berkaitan isu harta sepencarian.

## **PENGENALAN**

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mulai berspektrum inovasi apabila Strategi Model Baharu FELDA yang melalui proses evolusi dalam kepompongnya yang tersendiri mula dilancarkan pada tahun 2020. Strategi Model Baharu ini memberi impak yang signifikan dalam usaha menentukan visi dan halatuju FELDA dalam mengubah mentaliti peneroka dan

meremajakan FELDA seterusnya memacu aspek penggunaan teknologi moden, mekanisasi, automasi dan pertanian pintar secara bersepadu. Selain itu, pelaksanaan kepelbagaian tanaman di ladang seperti nanas, halia muda, kunyit hitam dan herba. FELDA merupakan ejensi kerajaan Malaysia yang menangani penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan yang baru dibangun untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Fokus utama FELDA yang asal adalah pembukaan ladang-ladang pekebun kecil untuk tanaman kontan. Suami isteri peneroka FELDA berganding bahu dalam melestarikan hasrat FELDA dalam menambah pendapatan isi rumah seharian. Lazimnya, konflik muncul apabila berlaku kematian atau perceraian peneroka FELDA dan isteri atau waris yang membuat tuntutan harta. Isu tanah FELDA mula dibincangkan berdasarkan jenis hakmilik tanah dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan sekatan perundangan dalam Seksyen 14(2) Akta Tanah Berkelompok 1960. Wujud kecelaruan dalam pemahaman tanah FELDA sehingga keputusan Mahkamah Tinggi Syariah, pelaksanaan di Jabatan Tanah dan Galian serta pandangan perunding perancangan harta berkaitan kes harta sepencarian, hibah dan pusaka tersasar dari maksud sebenar.

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui konsep harta sepencarian dan warisan dalam isu tanah FELDA berdasarkan hukum fiqh dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana beberapa kes telah dipilih secara rawak dan dianalisis. Kaedah pengumpulan utama ialah sumber sekunder terdiri daripada buku dan informasi digital serta kes. Hasil analisis mendedahkan harta sepencarian warisan telah menjadi amalan peneroka FELDA sejak generasi kedua dan ketiga. Kajian ini mencadangkan supaya satu pelan inovasi strategik dapat diperkenalkan secara berterusan untuk memastikan hubungan silaturrahim keluarga dalam kalangan FELDA dapat dipelihara dan terhindar daripada perkelahian generasi ke generasi mendatang hanya kerana isu ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu salah satu kaedah penyelidikan yang menggabungkan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang. Undang-undang telah dibentuk sebagai mekanisme untuk menguruskan hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, oleh itu, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002). Kajian ini juga turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang bernilai tinggi. Kaedah perundangan tradisional atau konvensional ini akan melibatkan proses menyatakan (*stating*), menginterpretasi (*interpreting*) dan menerangkan undang-undang sedia ada

(*clarifying the existing law*) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998).

Metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diteliti (Abdul Halim bin Mat Diah, 1987). Antara yang termasuk dalam kategori dokumen ialah gambar, potret, keputusan, pengadilan, undang-undang dan peraturan (Imam Barnadib, 1982), otobiografi, surat-surat peribadi, buku catatan harian mahupun akhbar (Koentjaraningrat, 1986).

Bagi meneliti metodologi penyelidikan fatwa bagi hukum-hukum berasaskan sains dan teknologi, kaedah analisis kandungan (content analysis) telah dipilih. Kaedah ini memerlukan kepada satu penetapan tema tertentu agar proses analisis selari dengan kandungan teks (Muhammad Haji Yusuf, 1993).

Dalam kajian ini, tema tersebut adalah berkaitan dengan metodologi penyelidikan tanah felda bagi isu-isu hukum fiqh dan undang-undang semasa. Analisis kandungan ini pula dilakukan dengan memilih teks yang sesuai berasaskan kepada objektif kajian yang dilakukan. Oleh itu sampel yang digunakan untuk tujuan ini ialah maklumat berkaitan tanah felda terpilih yang bersifat hukum fiqh dan undang-undang semasa serta berimpak sains dan teknologi. Terdapat enam langkah bersifat umum yang telah diaplikasi dalam kaedah ini. Langkah-langkah tersebut meliputi langkah mengenalpasti permasalahan kajian, memilih sampel, membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut aturan objektif dan memberi interpretasi hasil kajian (Syed Arabi Idid, 1999).

Bentuk kajian lapangan berasaskan temu bual merupakan salah satu bentuk penyelidikan (Anwarul Yaqin, 2007) yang bersandarkan kepada interaksi sosial dan bertujuan untuk mengumpul maklumat bagi tujuan kajian. Justeru, kajian ini tertumpu ke arah pengutipan maklumat dan penyelidikan tentang kategori keterangan berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perlis) 2006.

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Temu bual berstruktur dan tidak berstruktur dengan pihak yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang yang dikaji telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki (Anwarul Yaqin, 2007). Selain itu, buku dan artikel juga turut dijadikan sebagai bahan rujukan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi kajian ini.

Metode pemerhatian atau pengamatan ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap sesuatu penelitian atau objek yang dikaji (Samarudin Rejab & Nazri Abdullah, 1982). Kaedah ini adalah signifikan dalam melihat prosedur dan realiti pelaksanaan yang berlaku ke atas perkara yang diperhatikan. Melalui metode ini juga,

pemerhatian secara langsung dengan responden atau objek yang menjadi sasaran kajian akan dilakukan untuk mendapatkan rumusan dan kesimpulan yang diperlukan

### **TANAH FELDA**

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 telah digubal di bawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan. Akta ini telah berkuat kuasa pada 30 Mei 1960 dan diguna pakai untuk negeri-negeri Semenanjung Malaysia sahaja kecuali Pulau Pinang dan Melaka dan kemudiannya telah dipinda untuk memasukkan kedua-dua negeri ini pada 1 Januari 1966.

Tujuan akta ini dipinda supaya ia diseragamkan pelaksanaannya untuk semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dari sudut polisi serta kuasa eksekutif yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Penggubalan akta ini adalah bermatlamatkan untuk mewujudkan satu penempatan baru yang terancang dengan menyediakan sumber-sumber ekonomi melalui pembukaan ladang-ladang oleh agensi pelaksana. Pembangunan terancang ini berdasarkan kepada peraturan dan sekatan-sekatan seperti yang terkandung dalam akta ini untuk menjamin kawasan-kawasan yang dimajukan mencapai matlamat pembangunan ekonomi yang maksimum dari segi hasil ladang dan pendapatan peneroka.

### **PEMILIKAN TIDAK SEMPURNA**

Peneroka FELDA berisiko hilang hak ke atas tanah walaupun selepas menerima geran individu, tanah itu tetap tidak boleh dianggap milik mutlak peneroka yang boleh diwariskan secara langsung kepada generasi kedua FELDA. Keadaan ini berlaku kerana ada perjanjian di antara peneroka asal dan FELDA yang mengikat kedua-dua pihak, sekali gus menghalang milikan sempurna diberikan kepada peneroka terhadap tanah rancangan yang diusahakan.

Pemilikan tidak sempurna adalah harta yang dimiliki oleh seseorang sedangkan ia tidak memiliki manfaatnya, atau hanya manfaat harta yang dimiliki oleh seseorang bukan harta. Dengan kata lain, pemilikan harta berada pada tangan seseorang manakala hak milik manfaatnya berada pada tangan orang lain. Ini bermakna dua hak berada di tangan dua orang yang berbeza.

Hartanah pegangan pajakan ataupun Leasehold merupakan jenis hakmilik tanah yang kurang mendapat sambutan di dalam pasaran. Leasehold merujuk kepada hartanah yang ditempatkan di atas tanah pajakan – tanah yang dipajak; atau disewa; dari pihak kerajaan. Lazimnya, jangka masa pajakan paling lama yang dibenarkan ialah untuk selama 99 tahun, tetapi sesetengah pembangunan baru di pasaran telah memperoleh tempoh melebihi 100 tahun. Bagaimanapun, kes-kes seperti ini amat jarang berlaku.

Manakala, jangka masa pajakan diberikan yang paling pendek hanya selama 30 tahun. Kos “sewaan” untuk hartanah Leasehold dianggap “terbazir”, kerana pemilik tidak akan diberi sebarang pampasan sebaik saja pajakan tersebut tamat. Sejumlah premium perlu dibayar bagi melanjutkan pajakan tersebut, di mana pemilik perlu memohon di Pejabat Tanah yang berkenaan. Inilah bab yang dianggap berisiko kerana jikalau pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan kawasan tersebut, mereka boleh memutuskan untuk menolak permohonan melanjutkan pajakan tersebut. Ertinya, tanah tersebut hanya dianggap milik pemilik rumah selagi tempoh pajakan masih sah. Melanjutkan tempoh pajakan juga memerlukan bayaran premium yang tinggi. Jumlahnya bergantung kepada jenis hartanah – kediaman, komersial, pertanian atau jenis hartanah lain. Lokasi juga memainkan peranan dalam menentukan harga pelanjutan pajakan. Selain itu, pemilik hanya boleh melanjutkan pajakan kepada tempoh maksima iaitu 99 tahun. Contohnya, jika mereka tinggal 20 tahun dalam tempoh pajakan, mereka hanya dibenarkan melanjutkan tempoh tersebut selama 79 tahun.

Peneroka FELDA berisiko kehilangan hak ke atas tanah rancangan diusahakan sejak lebih 60 tahun lalu kerana wujud sekatan perundangan yang menghalang sebarang pindah milik harta terbabit kepada generasi kedua. Ini berlaku kerana FELDA tertakluk kepada Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1967, sekali gus menyebabkan statusnya berbeza dengan tanah biasa di bawah Kanun Tanah Negara. Perkataan ‘berisiko’ bermaksud kemungkinan, bakal terjadi atau berpotensi, bukan bermaksud hak milik terus hilang. Ia boleh berlaku akibat tiada langkah proaktif dibuat dalam menangani permasalahan. Pemakaian akta yang mana satu dalam pindah milik tidak menjadi agenda utama, namun sejauh mana ia terpakai menjamin pemilikan sempurna yang dipersoalkan.

Status pentadbir berbanding pemilik yang dianugerahkan kepada generasi kedua FELDA selepas permohonan dibuat, adalah isu yang cuba dirungkai. Pentadbir tanah lazimnya terikat peranannya tersendiri. Mereka dirujuk sebagai pihak dilantik tuan tanah, pejabat pusaka kecil atau mahkamah dan hanya berkuat kuasa selepas tuannya meninggal dunia kelak. Berperanan mentadbir dan menguruskan harta sekalipun mewakili waris si mati, bukanlah jaminan kepada generasi FELDA seterusnya memiliki secara mutlak aset dimohon, walaupun namanya terpahat dalam dokumen. Keterbatasan hak ini tidak memungkinkan pentadbir membuat sebarang hibah, mahupun wasiat kepada generasi berikutnya, apatah lagi menerima kadar penuh pampasan daripada sebarang pengambilan balik tanah. Sekiranya benar pentadbir boleh mewarisi, sejauh mana usaha pemilikan ini berhasil sekiranya tiada prosedur jelas ke atas pertukaran status daripada pentadbir kepada pemilik dalam mana-mana klausa akta. Syarat, prosedur perlu diperinci Sekiranya status pentadbir merujuk tempoh sementara

sebagai persediaan menjadi pemilik sah, syarat dan prosedur perlu dinyatakan secara terperinci. Jika permohonan sebagai peneroka terikat syarat tertentu, FELDA boleh mengenakan syarat ke atas generasi berikutnya dalam mendapatkan status pemilik.

Tetapi perlu diperjelaskan di bawah perundangan serta terpakai secara seragam untuk semua penempatan tanah FELDA. Perolehan pemilikan menerusi Perintah Pusaka Borang E, perlu diperjelaskan keperluan 'khusus' bagi hartanah FELDA selain syarat utama yang ada, bagi memudahkan pengurusan serta membezakannya dengan Borang F (Pentadbir). Sekiranya status pentadbir dikekalkan, perlu dijelaskan peranannya secara terperinci yang boleh menyamakan haknya sebagai pemilik hartanah sah. Hak dan kepentingan eksklusif oleh pentadbir tanah FELDA wajar diperincikan bagi membezakan antara pentadbir tanah FELDA dan pentadbir tanah biasa.

Cadangan di atas wajar dipertimbangkan dalam usaha menjamin pemilikan hartanah sempurna ke atas generasi FELDA. Penguatkuasaan wajar disokong sistem perundangan Malaysia menerusi syarat jelas dalam GSA. Justeru, perbincangan terperinci membabitkan semua pihak (kementerian, FELDA, peneroka, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pakar perundangan dan pakar harta tanah) wajar dibuat bagi mencari penyelesaian terbaik ke arah pembangunan mampan hartanah FELDA.

## **PENTADBIR BUKAN PEMILIK**

Akta ini telah mengalami beberapa kali pindaan melalui beberapa sekatan yang dimasukkan bertujuan untuk disesuaikan dengan perubahan dan kehendak semasa bagi menjamin pembangunan tanah pertanian dijalankan secara berterusan dengan hasil manfaat yang memberi keuntungan kepada para peneroka. Antara pindaan-pindaan yang telah dibuat adalah seperti berikut.

- i. Pindaan pada tahun 1965 – pindaan ini melibatkan perjanjian antara agensi-agensia pembangunan tanah dengan pihak Kerajaan Negeri, pengisytiharan kawasan penempatan berkelompok, pembangunan tanah oleh koperasi yang dikelolakan oleh agensi pembangunan tanah.
- ii. Pindaan pada tahun 1982 – pindaan ini melibatkan penyerahan hak penduduk dalam menunggu hak milik dan penamatan atau pembatalan kawasan-kawasan penempatan berkelompok.
- iii. Pindaan tahun 2002 – pindaan ini melibatkan seksyen 12, 14 dan 15 yang membolehkan pegangan desa diberi milik dan dimiliki bersama tidak melebihi dari dua orang pemilik. Pindaan ini, adalah bertujuan bagi membolehkan isteri, bekas isteri atau waris kadim peneroka dimasukkan dalam pegangan desa sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama.

Beberapa sekatan telah dimasukkan bertujuan untuk memastikan pembangunan tanah pertanian dijalankan secara berterusan dengan



pengeluaran hasil yang maksimum yang dapat memberi manfaat kepada para peneroka. Antara sekatan-sekatan itu ialah:

- i. Seksyen 14 yang tidak memberi izin Pegangan Desa diberikan kepada lebih daripada dua orang penama yang dikira sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama.
- ii. Seksyen 15 yang memperuntukkan bahawa kawasan Pegangan Desa tidak boleh pada bila-bila masa dipecah bahagian (subdivided or partitioned). Seksyen ini juga tidak membenarkan pegangan desa dipajak sebahagian atau semuanya.
- iii. Seksyen 7(3) yang menghadkan penggunaan Pegangan Bandar hanya untuk kegunaan perumahan, kegunaan awam, perdagangan, industri atau kegunaan lain seperti yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Tuntutan Harta Sepencarian Definisi harta sepencarian ialah harta yang diperoleh bersama dalam tempoh perkahwinan antara suami dan isteri, iaitu hasil daripada sumber dan usaha bersama mereka. Harta sepencarian ini berasal dari adat Melayu yang diiktiraf di bawah hukum syarak. Harta ini sama ada harta alih (*manqul*) seperti wang ringgit, peralatan rumah, kenderaan dan sebagainya, atau harta tak alih (*aqar*) seperti tanah dan rumah. Seorang suami atau isteri berhak menuntut harta sepencarian iaitu selepas berlaku penceraian hidup, poligami atau selepas berlaku kematian salah satu pihak. Dalam isu tanah rancangan FELDA, harta sepencarian terdiri daripada ialah: i. Tanah ladang ii. Tanah tapak rumah iii. Rumah iv. Harta-harta lain yang dibahagikan mengikut ketetapan mahkamah syariah negeri

Sekatan-sekatan tersebut bertujuan menjamin tanah rancangan tidak dipecahkan kepada unit-unit yang tidak ekonomik. Bagi menjamin janda-janda peneroka terus mendapat sebahagian harta hasil daripada usaha sama dengan suaminya, FELDA telah menyediakan Garis Panduan Harta Sepencarian. Dalam konteks FELDA, Harta Sepencarian meliputi tanah kebun peneroka, tanah tapak rumah, rumah, harta-harta lain yang diperoleh semasa tinggal di tanah rancangan sebagai suami isteri.

Sekiranya peneroka meninggal dunia, hanya dua waris boleh dilantik sebagai pentadbir untuk menguruskan harta berkenaan dan status mereka bukan pemilik aset terbabit. Status pentadbir ini tidak sama dengan pemilik tanah. Peranannya hanya mengurus harta berkenaan secara saksama di antara waris. Maksudnya hasil yang diperoleh wajib diagihkan kepada waris lain mengikut bahagian dipersetujui sama ada melalui sistem faraid atau muafakat.

Segala transaksi membabitkan tanah rancangan juga tertakluk kebenaran FELDA. Keadaan ini membimbangkan kerana tidak ada jaminan bahawa tanah berkenaan akan kekal milik generasi keluarga FELDA dan hak waris hanya sebagai pentadbir, tidak sama seperti pemilik tanah.

Keadaan ini akan memberi kesan jangka panjang ke atas pemilikan aset warga FELDA, ter utama apabila wujud permintaan pembangunan di tanah rancangan terbabit sehingga menuntut pengambilan tanah. Jika berlaku pengambilan tanah pada masa hadapan untuk pembangunan misalnya, apakah jaminan kepada waris yang hanya dilantik sebagai pentadbir ini? Pasti sebagai pentadbir mereka tidak mempunyai 'suara', hak dan kuasa seperti mana pemilik tanah.

Jika perkara ini berlaku hak waris dan generasi FELDA khususnya dinafikan dan tidak mustahil mereka ini juga boleh terlepas hak milikan terhadap tanah rancangan berkenaan. Sekali pun ada pampasan diberikan, apakah jaminan mereka ini akan menerima pampasan yang setimpal seperti mana pemilik asal?

Justeru, satu penyelesaian terhadap isu berkenaan perlu dicari memandangkan ketika ini FELDA sudah merentasi zaman sehingga sebahagian besar sudah diwarisi generasi kedua dan ketiga. Sudah tiba masa penambahbaikan dibuat terhadap GSA bagi membolehkan harta pusaka FELDA diwarisi generasi seterusnya, selaras usaha melindungi hak warga peneroka yang sekian lama mengusahakan tanah rancangan itu. Malangnya, masih ramai tidak mengetahui tanah pusaka FELDA tidak boleh diwarisi secara mutlak kepada generasi seterusnya.

## **TRANSFORMASI FELDA 2020**

Isu dibangkitkan mengenai FELDA adalah aliran tunainya? FELDA kini dalam landasan betul, termasuk isu aliran tunai. Kerajaan juga beri tumpuan kepada FELDA. Sebab itu, diwujudkan Pasukan Khas Menangani Isu FELDA diketuai Tan Sri Abdul Wahid Omar. Cadangan mereka sudah dibentangkan kepada menteri bertanggungjawab dan kini menanti kelulusan kerajaan. Satu lagi usaha yang sudah FELDA atasi berkaitan kedudukan kewangannya adalah penyata hutang peneroka yang lebih 10 tahun tidak siap.

Perancangan tersebut berjaya disiapkan dalam tempoh tiga bulan sahaja. Ia adalah satu keajaiban yang tidak ajaib, kerana senarai hutang peneroka yang dipanggil paysheet ini tidak pernah diterima peneroka, tetapi berjaya kita buat. Kenapa ini boleh dibuat dalam masa tiga bulan? Kerana tarikh akhir telah ditetapkan, urus tadbir serta pengurusan kerja yang betul. FELDA juga dapatkan khidmat profesional berkaitan data dan maklumat mengenai hutang dan pinjaman ini. Kita bekerjasama dengan juruaudit bebas, PricewaterhouseCoopers (PwC). Kita juga sedang perkemas sistem kewangan dan pangkalan data.

Pengurusan sumber manusia dicadangkan untuk mewujudkan jawatan penolong ketua blok supaya ada generasi muda FELDA penyambung kepemimpinan di tanah rancangan, penolong ketua blok dilantik dalam kalangan mereka berusia 50 tahun dan ke bawah. Latihan

Program Neuro-Linguistik (NPL) akan diperkenalkan, iaitu program yang menukar corak pemikiran pekerja. Selain itu, Wakaf FELDA yang sedang berjalan turut akan diperkenalkan. Fokus kepada pengurusan ladang dengan memperkenalkan amalan pertanian pintar dan ladang bersepadu. Jalinan kerjasama dengan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Perancangan memperkenalkan kaedah perladangan pintar dan melancarkan satu kelas Smart Classroom di 101 sekolah menengah di semua tanah rancangan FELDA.

FELDA mahu mengurangkan tempoh pinjaman yang diberikan kepada peneroka, daripada lapan tahun kepada empat tahun. Melalui pinjaman untuk tanam semula ini, pinjaman sara hidup bakal diberikan kepada peneroka dengan kos kira-kira RM1,000 (sebulan) seorang peneroka. Bermakna lapan tahun, kira-kira RM96,000 dipinjam peneroka.

Jika dapat dikurangkan tahun pinjaman ini kepada empat tahun, hutang peneroka tidak tinggi, jumlah dibayar juga rendah. Bermakna, FELDA tidak mengeluarkan wang banyak untuk beri pinjaman kepada peneroka. Bolehkah ini dilaksanakan? Boleh, jika menggunakan teknologi baharu dalam penanaman semula sawit. Dalam 30 bulan, sawit akan berbuah dan dalam empat tahun, dapat mengeluarkan hasil 15 tan satu ekar. Apabila dipendekkan tempoh pinjaman empat tahun dengan guna benih baharu dan amalan pertanian terbaik, bayaran balik untuk empat tahun bukan satu masalah.

FELDA bukan hanya memiliki ladang, tetapi juga terbabit dalam aktiviti pengeluaran, iaitu pengilangan dan industri hiliran. Perlu difahami, kilang sebenarnya beri lebih keuntungan berbanding ladang, begitu juga industri hiliran.

Dari sudut hasil pula, sawit dari ladang menghasilkan minyak oleh kilang FELDA dan ada industri hiliran seperti pembuatan kotak dan tin serta botol diusahakan syarikat FELDA sendiri. Pembabitan kerjasama Koperasi Peneroka FELDA (KPF) yang menjadi antara 10 koperasi terbaik di Malaysia, pernah memberi dividen 18 peratus kepada FELDA pada 2011.

Matlamat kerjasama ini diimpikan seperti berjayanya (pasar raya besar) Walmart di Amerika Syarikat dan koperasi perladangan ternakan terbesar di New Zealand, iaitu Fronterra Coop. Bolehkah semua ini dilaksanakan? Sudah tentu boleh kerana kini FELDA menekankan kaedah baharu dalam kerja perladangan dan penghasilan kelapa sawit.

Program transformasi ladang milik FELDA dan langkah meningkatkan hasil? Ianya sedang dilaksanakan dengan visi menjadi antara terbaik dalam senarai Top 100. Ianya dilihat ladang sedia ada untuk digabungkan dengan tanaman kontan lain supaya lebih produktif dan efisien.

Program digitalisasi pada sistem ladang dan pengurusannya dapat dilihat. Ianya adalah kerjasama dengan MaGIC dan UPM serta institusi penyelidikan lain.

'Program 2523' ditetapkan, iaitu 25 tan hasil setiap satu hektar dan peningkatan 23 peratus kadar perahan minyak (OER) pada 2023 serta penggunaan teknologi moden, mekanisasi, automasi dan pertanian pintar secara bersepadu. Pelaksanaan kepelbagaian tanaman di ladang seperti nenas, halia muda, kunyit hitam dan herba.

Selain itu, Program Pembangunan Peneroka (PPP) diperkenalkan. Kerajaan memberi peruntukan RM1 bilion untuk (projek) dilaksanakan dalam tempoh empat tahun bagi meningkatkan pendapatan peneroka.

## HARTA SEPENCARIAN

Secara umumnya juga terdapat dua justifikasi yang dikemukakan oleh para sarjana tempatan berkaitan dengan harta sepencarian ini iaitu penerimaan harta sepencarian melalui konsep *al-Syarikah* dan konsep adat (Daud Mohamad, 2002, Suwaid Tapah, Siti Zalikhah Mohd Nor, 1998). Harta syarikat merupakan harta yang telah bercampur dan kedua-dua suami isteri mempunyai hak ke atas harta tersebut (Nik Azam Masri, 2004). Adakalanya percampuran tersebut masih boleh ditentukan kadar hak masing-masing. Tetapi adakalanya hak tersebut tidak boleh ditentukan kadarnya (Nik Azam Masri, 2004). Dalam Islam, kedudukan *al-Syarikah* boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Syarikah al-Milk / Amlak* – dua orang atau lebih yang memiliki barang tanpa aqad bersyarikat. Manakala satu lagi ialah *Syarikah al-Aqd / Uqud* – dua orang atau lebih yang berkongsi modal dan keuntungan adalah berdasarkan kepada perjanjian di antara mereka.

Penulis melihat perkongsian harta suami isteri lebih menepati dengan konsep *Syarikat al-Milk* berbanding *Syarikah al-Uqud*. Ini kerana dalam *Syarikat al-Aqd / Uqud* dengan jelas menyatakan peruntukan modal dan bahagian keuntungan menurut terma dan syarat yang telah dipersetujui. Sedangkan dalam perkahwinan melibatkan elemen kasih sayang dan pengorbanan, hubungan dua keluarga di pihak suami isteri, pengurusan kewangan keluarga dan nafkah anak-anak, naluri hubungan seksual, kepimpinan dan tarbiyah keluarga. Kesemua elemen ini menjadikan ia sesuatu yang agak sukar diukur berdasarkan angka peratusan yang tepat terhadap segala perusahaan harta hasil perkongsian suami isteri.

Selain daripada menggunakan hujah *al-Syarikah*, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa harta sepencarian merupakan hukum adat. Ini terbukti kerana konsep harta sepencarian ini hanya wujud dalam adat masyarakat Melayu di Malaysia dan rumpun Melayu yang lain seperti di Indonesia, Brunei dan Singapura. Jika ditinjau tidak ada konsep harta sepencarian di dalam undang-undang sivil mahupun undang-undang

kekeluargaan di negara Barat. Oleh kerana harta sepencarian ini hanya wujud di dalam masyarakat Melayu, maka ianya perlu dilihat dari segi penerimaan adat di dalam hukum Islam (Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin, 2016).

Islam mengiktiraf bahawa adat, baik secara khusus ataupun umum adalah menjadi salah satu sumber Hukum Syara' (Perkara 36, *Majalah Ahkam al-Adliyyah*, 1968) dan sesuatu adat itu boleh diterima apabila sudah menjadi kelaziman atau kebiasaan sedemikian. Ini menunjukkan bahawa Islam meraikan adat kebiasaan yang diamalkan oleh umatnya di wilayah-wilayah tertentu yang tidak bercanggah dengan hukum Islam. Sejarah perundangan sendiri menunjukkan apabila Rasulullah SAW berhadapan dengan permasalahan adat ('urf), (Mohd Ridzuan Awang, 1987) Baginda mengambil sikap yang berbeza di antara satu adat dengan adat yang lain sama ada menerima adat, menolak atau menerima dengan pindaan sesuatu adat untuk menjadi hukum (Nik Azam Masri, 2003). Apabila sesuatu adat atau 'urf itu diakui kebaikannya dan mendapat pengiktirafan undang-undang, kedudukannya bukan lagi sebagai adat, tetapi bertukar menjadi satu peraturan atau perundangan yang mesti dikuatkuasakan (Zaini Nasohah, 2002).

Selain daripada itu, kaedah fiqh yang menyatakan "*al- 'adah al-muhakkamah*" (Al-Sayuti) juga menjadi sandaran kepada konsepsi harta sepencarian dalam hukum syara'. Dengan kata lain, adalah perlu ditegaskan bahawa Islam tidak menolak secara total berhubung dengan amalan adat sesuatu masyarakat asalkan ianya tidak bercanggah dengan nas qati'e yang telah diperkanunkan oleh al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qias.

#### **KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN**

Praktis amalan Mahkamah Syariah di Malaysia memperuntukkan jika isteri merupakan suri rumah sepenuh masa, maka mahkamah akan memperuntukkan sebanyak satu pertiga dari keseluruhan harta.

Sekiranya isteri merupakan wanita berkerjaya atau mempunyai pendapatan sendiri, malah isteri itu dapat membuktikan secara langsung segala harta yang diperolehi, sama ada pembelian barangan elektrik, perabot, kenderaan, rumah atau hartanah, di sini mahkamah akan memperuntukkan sebanyak satu perdua iaitu separuh dari keseluruhan harta.

#### **HARTA SEPENCARIAN DAN WARISAN**

Sejarah FELDA sebagai ejan atau wakil Kerajaan bersama peneroka sudah berlalu sejak 1956, didapati beberapa peringkat perjanjian antara mereka yang boleh dilihat pada aspek Perundangan Syariah.

Peringkat pertama: Ihya al-Mawat. Ihya al-Mawat adalah menghidupkan tanah yang mati terbiar, tanah tersebut tidak dimiliki dan

tiada diusahakan oleh sesiapa. Asal pemilikan tanah ini kembali kepada orang asal yang mengusahakannya walaupun tanpa kebenaran pemerintah. Ini adalah pandangan yang dipegang oleh *jumhur fuqaha*. Manakala imam Abu Hanifah dan Fuqaha' Mazhab Maliki berpandangan pemilikan penuh tanah yang diusahakan itu perlu melalui kebenaran pemerintah (Ibn Abidin, 1992). Walaubagaimanapun, sebuah kerajaan mempunyai hak untuk membahagikan tanah tersebut kepada rakyatnya, kerana Kerajaan adalah pemerintah yang mengawal selia harta umum umat Islam yang boleh dibahagikan mengikut maslahat umum. Kaedah pembahagian berlaku dengan dua cara, pertama: membahagikan tanah kepada rakyatnya beserta hak pemilikan penuh, ia dinamakan (إقطاع تملك), kedua: membahagikan tanah kepada mereka dengan tujuan hak pemilikan manfaat sahaja, bukan pemilikan penuh, ia dinamakan (إقطاع إرفاق). (Qulyubi, 1995)

Melihat kepada perjanjian asal dan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, ia menjelaskan bahawa tanah yang diberi itu berkaitan dengan pemilikan cara kedua pada awalnya, iaitu pihak Kerajaan memberi pemilikan manfaat sahaja. Walaupun dilihat Kerajaan menjanjikan akan memberi hak pemilikan tanah dengan pajakan 99 tahun hanya setelah peneroka menyelesaikan Bayaran Kembali, iaitu kos pembangunan yang telah didahulukan oleh FELDA, kesemua ini adalah istilah dan kata-kata manis yang dituturkan untuk mempermainkan dan memperdayakan keinginan peneroka dan usaha mereka, yang akhirnya perjanjian ini masih kekal seperti asal iaitu memberi hak manfaat sahaja dan hak keutamaan kepada peneroka yang tidak dapat diambil oleh pihak lain selama 99 tahun. Setiap daripada mereka diperuntukkan 10 ekar tanah ladang dan 0.25 ekar tanah kediaman.

Peringkat kedua: al-Muzara'ah. Seterusnya, apabila tanah yang dipenuhi dengan pokok-pokok di celah hutan rimba sudah ditebang, ditarah, diratakan dan diterokai oleh peneroka beserta dapatan bantuan pinjaman FELDA. Bermula lah tujuan dan matlamat penubuhan FELDA iaitu mewujudkan satu penempatan baru secara terancang dengan menyediakan sumber-sumber ekonomi melalui pembukaan ladang-ladang kelapa sawit dan getah. Maka berlaku perjanjian akad di sini secara umumnya yang kembali kepada akad *al-Muzara'ah*, iaitu; sebuah perjanjian pada pengambilan hasil tanah tersebut yang berlaku di antara pengurus tanah asal iaitu FELDA bagi pihak Kerajaan bersama peneroka sebagai tuan manfaat tanah. Ketika ini sudah berubah bentuk pembahagian tanah ini yang asalnya pemilikan manfaat kepada peneroka (إقطاع إرفاق), berubah menjadi pihak Kerajaan memberi pemilikan manfaat beserta mensyaratkan pulangan hasil dari tanah tersebut, ia dinamakan dengan istilah (إقطاع إجارة) pajakan bersewa (Al-Farra, 2000).

Permasalahan akad *al-Muzara'ah* menjadi pertikaian di kalangan *fuqaha* dahulu sekiranya upah dan sewa diambil dari hasil tanah ladang pertanian itu sendiri. Di antara mereka iaitu Fuqaha' Mazhab Hanbali, imam Abu Yusuf dan Muhammad yang mengharuskan akad *al-Muzara'ah* ini memperakui dan membenarkan juga berlakunya pemilikan manfaat tanah dan hasilnya melalui akad (إقطاع إجارة), pandangan ini juga sebagai fatwa yang dipegang dalam mazhab Hanafi. Manakala mereka yang melarangnya tetap melarang dalam akad tersebut walaupun melalui pemerintah, pandangan ini kembali kepada mazhab al-Syafi'i, al-Maliki dan Imam Abu Hanifah. Walaubagaimanapun, ada yang berpandangan akad *al-Muzara'ah* yang berlaku di antara pemerintah dengan rakyatnya dapat diperluaskan berbanding akad yang lain kerana ia kembali kepada pembahagian tanah yang merupakan harta milik maslahat umum (Al-Farra, 2000). Maka hasil yang diterima oleh pemerintah adalah atas dasar harta pemilikan maslahat umum rakyat jelata yang dapat dikembangkan, bukanlah pemilikan individu. Manakala hasil yang diterima oleh peneroka adalah hak milik individu yang terdiri dari usahanya sendiri.

Terdapat peringkat perjanjian yang lain di antara FELDA dengan peneroka seperti pinjaman (*al-Qard*) dan pelaburan saham (*al-Mudharabah*). Ia menghasilkan juga penambahan dan susut nilai harta yang diperolehi oleh peneroka. Persoalannya, adakah kesemua harta ini boleh menjadi harta sepencahan warisan ataupun tidak?

Dalam isu tanah rancangan FELDA, harta yang terlibat ialah:

- i. Tanah ladang
- ii. Tanah tapak rumah
- iii. Rumah
- iv. Harta-harta lain yang diperolehi semasa tinggal di rancangan sebagai suami isteri.

Harta mereka ini terbahagi kepada dua kategori pada pandangan Syara'; pertama; harta pemilikan penuh seperti rumah, hasil keuntungan tanaman dan saham pelaburan.

Kedua; harta pemilikan manfaat seperti tanah ladang dan tanah tapak rumah. Kategori pertama, perlu dilihat adakah terdapat perkongsian bayaran antara suami isteri dalam pembangunan rumah, perkongsian dalam menghasilkan keuntungan hasil ladang dan perkongsian modal pelaburan sebelum berlakunya penceraian atau kematian? Sekiranya berlaku perkongsian yang sah mengikut akad mu'amalat, maka mereka berdua adalah pemilik rumah tersebut mengikut peratus bayaran, ia dinamakan (شركة الملك) di sisi *jumhur*. Mereka berdua juga adalah rakan kongsi dalam perusahaan kerja ((شركة الأبدان)) mengikut pandangan Fuqaha' Mazhab Hanafi dan rakan kongsi dalam modal pelaburan saham (شركة المضاربة) keuntungan dibahagikan antara mereka mengikut persetujuan bersama. Kedua-dua akad ini boleh dikaitkan dengan

jumlah keuntungan yang berkembang dan tertunggak, ia dikira sebagai harta bersama atau harta sepencarian. Sekiranya berlaku *fasad* pada akad (شركة) (الأبدان) ini selepas masing-masing sudah melakukan kerja, maka mereka hanya layak menerima upah yang munasabah (أجرة المثل) sahaja dari harta sepencarian, bukanlah keuntungan yang dijanjikan.

Bagi kes kematian pula, pemilikan bersama, keuntungan dan tunggakan yang merupakan harta sepencarian ini perlu dibahagikan mengikut pemilikan pasangannya (suami atau isteri), kemudian barulah difaraidkan kepada para pewaris termasuk pasangan si mati. Justeru, tanpa apa-apa akad perkongsian antara suami isteri, sebuah harta itu tetap kekal di bawah pemilikan asalnya dan sekiranya berlaku kematian, harta tersebut dibahagikan kepada pewaris tanpa dikaitkan dengan harta sepencarian pasangan suami isteri.

Kategori kedua; iaitu harta pemilikan manfaat dari FELDA, sebuah tanah ladang dan sebuah tanah tapak rumah, ia adalah pemilikan yang tidak sempurna, peneroka hanya memiliki hak manfaat sahaja tanpa hak pemilikan penuh. Maka bagi kes penceraian suami isteri, hak ini kekal dibawah penama yang diletak oleh FELDA, sama ada suami ataupun isteri ataupun kedua-dua mereka, ia tidak boleh berlaku pertukaran pemilikan antara suami isteri melainkan dengan persetujuan FELDA kerana akad pajak (إقطاع إجارة) yang dimeterai itu datang dari pihaknya. Manakala sekiranya berlaku kematian peneroka yang dinamakan oleh FELDA, sama ada suami atau isteri, maka persoalannya adalah berkaitan; adakah akad (إقطاع إجارة) atau pajakan bersewa itu terbatal dan kembali semula kepada hak FELDA atau boleh diwarisi oleh keluarga si mati?

Jumhur berpandangan akad al-Ijarah adalah akad yang lazim, iaitu; kedua-dua pihak (FELDA dan peneroka) yang telah memeterai perjanjian, wajib untuk menunaikan pertukaran yang dijanjikan dan tidak boleh dibatalkan selagimana perkara yang dijanjikan itu dapat dilaksanakan mengikut tempoh perjanjian. Oleh hal demikian, kematian peneroka bukanlah sebab utama untuk terputusnya pekerjaan-pekerjaan yang dijanjikan, bahkan perkara tersebut boleh beralih kepada pewarisnya untuk dilaksanakan sehingga berakhir tempoh perjanjian (Al-*Dasuqiy*), iaitu selepas 99 tahun. Al-Hanafiyyah pula berpandangan bahawa akad al-Ijarah terbatal secara automatik disebabkan berlakunya kematian lalu pemilikan manfaat si mati ini tidak dapat diwarisi (Ibn Abidin, 1958).

Pandangan *jumhur* lebih sesuai untuk dikaitkan pemilikan manfaat tanah ladang dan tapak tanah rumah dengan harta warisan, dibahagikan mengikut bahagian para pewaris. Begitulah juga hasil yang diperolehi kembali kepada bahagian pemilikan waris.

Apabila sudah terjawab segala kemusykilan berkaitan harta warisan FELDA, maka hasilnya, seorang penama (suami atau isteri) yang pertama kali



diserah hak pemilik manfaat tunggal oleh pihak FELDA, apabila meninggal dunia pemilikan manfaatnya tidak dikira sebagai harta sepencarian warisan kerana tidak ada perjanjian yang boleh dikaitkan dan dithabitkan dengan pasangannya, bahkan manfaat tersebut dibahagikan terus kepada para waris. Hukumnya berbeza pula, sekiranya FELDA menyerah hak milik dengan meletakkan dua penama suami isteri, maka mereka berdua diberi hak pemilikan manfaat secara bersama dan apabila salah seorang meninggal dunia, setengah pemilikan manfaat adalah milik pasangan yang hidup, kemudian ditambahkan lagi daripada bahagian harta pusaka yang difaraidkan bersama pewaris-pewaris lain.

Disebabkan warisan manfaat ini perkara yang tidak dapat dilihat secara kasar, ia sukar hendak diuruskan oleh mereka yang kurang berpengetahuan, sebaiknya diberikan ilmu pencerahan yang baik kepada penama asal atau generasi seterusnya, kemudian mereka perlu memainkan peranan penting ketika masih hidup untuk mencatatkan wasiat dan perlantikan penggantinya di kalangan pewaris yang amanah yang dapat menguruskan ladang dan menguruskan pembahagian manfaat dan hasilnya kepada pewaris-pewaris yang lain. Waris yang di amanahkan juga perlulah peka dan menjaga hubungan silaturahim sesama keluarga. Jika tidak, pewaris peneroka akan terus dibebani dengan kos-kos sampingan seperti yang dicadangkan supaya FELDA mewujudkan entiti amanah milik mereka sendiri: 'FELDA Trustee' yang bertanggungjawab hanya untuk memegang amanah bagi tanah-tanah Felda tersebut dengan kos pengurusan tertentu.

Kesimpulannya, jumbuh fuqaha di kalangan empat mazhab mengharuskan pembahagian tanah terbiar oleh pihak pemerintah kepada rakyat atas kemaslahatan umum, sama ada dibahagi berserta pemilikan penuh atau pemilikan manfaat sahaja. Maslahat umum ini kembali kepada rakyat dan pemerintah bagi memperkukuhkan ekonomi, bukanlah bersifat kepentingan individu atau kroni yang hanya menunggu peluang untuk mengaut keuntungan besar bagi pihak kepentingan di dalam FELDA atau Kerajaan sahaja. Apabila mereka yang berkuasa bersifat sedemikian pastinya akan mewarisi kepada pekerja bawahan mereka termasuklah peneroka sendiri. Oleh itu, Kerajaan yang sudah menghasilkan ekonomi yang konsisten perlu bersifat amanah dan mencari jalan penyelesaian supaya kembali kepada tujuan asal penjanjian iaitu membasmi kemiskinan dan meningkat taraf hidup para petani. Apa yang dilihat tujuan kemaslahatan di sebelah pihak rakyat yang miskin ini sudah berubah menjadi bertambahnya mafsadah dan kemusnahan. Ia sesuatu perkara yang perlu dirisaukan dan perlu ditangani dengan secepat mungkin.

Pemilikan manfaat tanah ini juga dituruti dengan kerja-kerja ladang di mana hasilnya diperolehi antara FELDA dan peneroka. Hal ini juga dipersetujui oleh fuqaha al-Hanabilah dan majoriti Fuqaha' Mazhab Hanafi.

Maka apabila berlaku kematian, hasil yang dipersetujui kesahihannya ini dapat diwarisi dan diteruskan oleh pewaris si mati dengan bertaklidkan kepada mazhab Hanbali. Ia kerana *jumhur* tidak bersetuju dengan akad perladangan (*al-Muzara'ah*) yang berlaku dan Fuqaha' Mazhab Hanafi pula mengatakan kematian dapat meleraikan akad *al-Ijarah* dan manfaat tidak boleh diwarisi oleh keluarga si mati.

Maka pandangan Fuqaha' Mazhab Hanbali lebih sesuai untuk dipraktikkan dan dibahagikan pemilikan manfaat tanah kepada pasangan si mati sebagai harta sepencarian sebelum difaraidkan bahagian yang lain, sekiranya nama mereka berdua (suami isteri) adalah pemilik yang dilantik oleh FELDA waktu ketika mereka masih hidup. Tanpa penamaan mereka berdua, hak keseluruhan manfaat kembali kepada pewaris mengikut bahagian faraid masing-masing tanpa dikaitkan dengan harta sepencarian. Apabila dibahagikan manfaat tanah tersebut, *fuqaha* juga membahaskan cara mempraktikkan perkongsian manfaat ini di dalam bab (المهياة).

Pada masa kini, FELDA juga sedang mengemaskini untuk melaksanakan Skim Pewaris Tanah bagi peralihan lancar, iaitu program pengemaskinian data pemilikan tanah peneroka yang akan memuktamadkan maklumat pewarisan. Usaha ini bertujuan menyelesaikan isu pewarisan yang sudah berlanjutan sekian lama.

## KES-KES DI MAHKAMAH

Kes BR lwn. MS, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor. Kes Rayuan No. 10000-041-0160-2017, Kes Amnah Bt Ariffin Lwn. Noor Azhar Bin Umar. Dalam Mahkamah Tinggi Syariah di Seremban Dalam Negeri Sembilan Darul Khusus Kes Mal No 05100-017-0399 Tahun 2007 Kes Sepencarian Felda, Tuntutan Hibah: Kamsiah Yusof Lwn Latifah Dan Tiga Yang Lain, Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang Darul Makmur, Di Kuantan Kes Mal No: 06200-017-0137-2009 Antara Jamaliah Binti Jathi Dan Amiruddin bin Mahmud Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Ini semua adalah senarai kes yang berkaitan pengurusan harta pusaka tanah FELDA. Dalam kes ini mahkamah membincangkan secara praktikal yang suai manfaat bagi pewaris FELDA.

## FATWA

Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-38, yang bersidang pada 21 Jun 1995 di Negeri Sembilan telah membincangkan berkaitan hukum Pewarisan Harta dan Harta Sepencarian Yang Dilaksanakan Di Rancangan FELDA. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai pewarisan harta yang berdasarkan Akta Tahun 1960 adalah tidak bertentangan dengan

hukum syarak kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.

2. Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris-waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:

- a. Harta si mati hendaklah dijual.
- b. Penjualan harta tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada waris.
- c. Hasil daripada penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid, dan

d. Kalau harta si mati tidak habis dibahagikan kepada waris mengikut faraid maka lebih pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

3. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai harta sepencarian tidak bertentangan dengan hukum syarak.

### **CABARAN URUS TADBIR PUSAKA**

Pertama: Nilai ilmu dan kesedaran. Masyarakat perlu cakna dan mengambil tahu perkara di sekeliling agar lebih bersedia dan matang menghadapi situasi mengurus harta pusaka. Kedua: Pusat sehenti menempatkan semua ejensi penting di negara ini perlu diwujudkan bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan lebih mudah dan cepat. Ketiga: Statut khas hukum pusaka perlu digubal dan diwujudkan kerana ilmu fiqh yang dikanunkan lebih memberi nilai dari sudut penguatkuasaan dan keesahannya. Keempat dan akhirnya adalah berkaitan ilmu pengurusan pusaka oleh ahli waris. Ahli waris yang mempunyai didikan sedari kecil akan lebih bersifat berlapang dada dalam mencari kata putus berkenaan pembahagian harta pusaka. Hubungan persaudaraan sesama ahli waris sangat berharga melebihi harta pusaka yang diwarisi.

### **HASIL KAJIAN**

Dasar pewarisan FELDA adalah mengikut peraturan GSA bukannya Kanun Tanah Negara. Ini telah menimbulkan beberapa masalah dalam pewarisan harta sepencarian dan pusaka dikalangan generasi FELDA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peraturan GSA telah menimbulkan sedikit perbalahan antara adik beradik dalam keluarga dikalangan generasi FELDA. GSA juga ternyata membawa kesan negatif dan positif kepada ekonomi mereka. Sekiranya pengurusan FELDA diambil alih oleh pentadbir harta yang tidak amanah.

Tanah FELDA ialah milik sempurna dan peneroka ada hak penuh utk membuat apa sahaja kepadanya kerana geran sudah dikeluarkan ke atas nama mereka. Itulah yang menyebabkan bank boleh menerima cagaran tanah Felda dan boleh dilelong jika pinjaman tidak dibayar. Jika peneroka hanya pemilik manfaat & bukan hakikat mana mungkin bank akan terima sebagai cagaran & kemudiannya lelongan dibuat kepada pihak ketiga. Pihak Kerajaan

Negeri pula kemudiannya meluluskan pindahmilik nama dalam geran dari nama peneroka kepada nama pembeli lelongan.

FELDA telah menetapkan prosedur pewarisan atau penggantian apabila peneroka meninggal dunia melalui kaedah lantikan pentadbir daripada kalangan waris untuk menguruskan harta pusaka.

Bagi mempercepatkan proses menamakan pengganti peneroka, waris peneroka yang meninggal dunia hendaklah mengemukakan permohonan pembahagian harta pusaka ke Unit Pembahagian Harta Pusaka Kecil, Pejabat Tanah Daerah.

Prosedur ini telah menimbulkan banyak rungutan daripada ahli waris dan pihak pengurusan Felda sendiri, khususnya berhubung dengan pentadbir harta yang tidak berintegriti dalam menjalankan pentadbiran harta pusaka si mati.

Kes pewarisan yang tidak selesai juga akan menyukarkan proses pengurusan ladang peneroka seperti urusan menandatangani perjanjian penanaman semula dan pengagihan pembayaran hasil ladang.

Justeru itu kerajaan dan FELDA perlu segera mengkaji dan mengemukakan cadangan pewarisan FELDA dengan merujuk kaedah perancangan harta bagi menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu isu pewarisan Felda menerima nasib seperti isu pewarisan kampung Baru Kuala Lumpur yang terikat dengan Malaysian Agricultural Settlement Act (MAS).

Hakim Mahkamah Rendah Syariah Port Dickson, Hamizan Mohd Nor menyatakan bahawa "Antara kesan permasalahan pewarisan FELDA adalah ahli keluarga tidak dapat menyelesaikan proses bicara kuasa kerana tiada persetujuan semua waris untuk meletakkan hanya dua penama sahaja sebagai pentadbir harta yang akan diberi amanah untuk menguruskan perkara berkaitan pusaka termasuk tanah, pendapatan dan hutang. Keadaan ini selalu berlaku disebabkan ahli keluarga tiada persefahaman, enggan bertolak ansur dan tidak mempercayai waris lain.

Peneroka FELDA berisiko kehilangan hak ke atas tanah rancangan diusahakan sejak lebih 60 tahun lalu kerana wujud sekatan perundangan yang menghalang sebarang pindah milik harta terbabit kepada generasi kedua.

Ini berlaku kerana FELDA tertakluk kepada Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1967, sekali gus menyebabkan statusnya berbeza dengan tanah biasa di bawah Kanun Tanah Negara.

## **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Perancangan harta pewarisan tanah rancangan FELDA. Bank boleh menerima cagaran tanah FELDA dan boleh dilelong jika pinjaman tidak dibayar. Jika peneroka hanya pemilik manfaat dan bukan hakikat mana mungkin bank

akan terima sebagai cagaran dan kemudiannya lelongan dibuat kepada pihak ketiga. Pihak Kerajaan Negeri pula kemudiannya meluluskan pindahmilik nama dalam geran dari nama peneroka kepada nama pembeli lelongan. Wasiyyah Shoppe Bhd juga telah berjaya menyelesaikan puluhan kes pusaka peneroka FELDA yang melibatkan hibah. Perintah hibah dikeluarkan Mahkamah Tinggi Syariah selepas mendapati semua rukun & syarat ditepati. Perintah ini membolehkan tanah diturunmilik kepada nama di dalam perintah. Pun begitu Wasiyyah Shoppe Bhd sentiasa memastikan hibah tanah GSA ini dibuat mengikut syarat Akta itu sendiri pemilikan tidak boleh melebihi dua (2) nama. Namun bagi mencapai objektif Akta GSA 1960 & pengurusan lebih baik, peneroka sewajarnya berbincang dengan pihak FELDA sebelum melakukan apa sahaja transaksi ke atas tanah FELDA. Peneroka perlu menghormati FELDA & Akta GSA itu sendiri manakala FELDA juga perlu menghormati hak peneroka & menerima hakikat bahawa dalam dunia hari ini peneroka sudah mempunyai pendidikan tinggi dan mampu mengakses pelbagai sumber maklumat.

Terdapat beberapa mekanisme yang boleh digunapakai oleh peneroka dalam proses pembahagian tanah pusaka FELDA. Antara cara-caranya ialah yang pertama persetujuan bersama antara ahli waris untuk memberi penurunan milik secara kekal kepada salah seorang ahli waris. Penurunan milik ini merupakan mekanisme paling mudah bagi mengekalkan status tanah sepertimana asalnya, iaitu tidak dipecah sempadan atas dasar tidak ekonomik dari segi pengurusan dan hasil perladangan. Akan tetapi kebanyakan cara ini sukar dilaksanakan kerana ia memerlukan persetujuan daripada semua waris yang berhak ke atas harta tersebut mengikut undang-undang faraid terutamanya melibatkan ahli waris yang ramai dan masing-masing inginkan nama mereka diletak sebagai pemilik harta pusaka tersebut. Mekanisme yang kedua ialah melantik pentadbir bagi menguruskan tanah tersebut sepertimana yang telah dibincangkan di atas. Selain itu, mekanisme ketiga yang boleh digunakan ialah ahli waris yang berkemampuan membayar hak waris yang lain dan penurunan milik tanah menjadi hak milik ahli waris yang membayar sepenuhnya.

Masalah utama yang menjadikan penyelesaian harta pusaka FELDA tertanggung dan tidak diselesaikan begitu lama adalah masalah sikap dalam kalangan peneroka itu sendiri, termasuk waris-waris yang tidak mahu mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menyelesaikan perkara tersebut. Tambahan pula tiada perancangan awal mengenai perkara tersebut sebelum kematian peneroka.

Tidak timbul persoalan status sekatan dalam pemilikan harta pusaka FELDA yang ditetapkan oleh undang-undang. Apa yang perlu ialah tindakan yang wajar dilakukan oleh waris bagi menyelesaikan pembahagian harta antara waris apabila berlaku kematian peneroka. Warga peneroka pula perlu

bijak membuat perancangan pewarisan ketika hayatnya bagi menyediakan waris-waris dengan penyelesaian dan langkah awal bagi menyelesaikan pembahagian harta pusaka setelah kematian peneroka tersebut.

*Takharuj* diharuskan oleh syarak sebagai salah satu mekanisme penyelesaian pembahagian harta pusaka orang Islam. *Takharuj* bermaksud dikeluarkan seorang nama sebagai pentadbir harta. Tugasnya adalah mengurus hal ehwal pusaka yang ditinggalkan si mati, (Wan Najmiah dan Md. Yazid, 2013). Kebanyakan para peneroka memilih pentadbir sebagai mekanisme pembahagian harta pusaka FELDA berbanding pemilikan secara terus kepada ahli waris yang dipersetujui bersama di kawasan FELDA Taib Andak Kulai Johor. Cadangan dan implikasi dasar konsep *takharuj*: Hasil daripada temu bual bersama dengan Ketua Bahagian Pengurusan Isu dan Pewarisan, Jabatan Pengurusan Tanah Felda Ibu Pejabat Felda Kuala Lumpur, beliau mencadangkan konsep *takharuj* diguna pakai dan diteliti semula oleh bahagian pengurusan pewarisan tanah FELDA untuk menangani masalah kes-kes pengurusan harta pusaka yang tertangguh. Menurut beliau, konsep ini yang paling baik kerana konsep ini apabila dikembangkan, hanya seorang penama sahaja yang akan mengurus harta tersebut. Melalui tiga kaedah *takharuj* yang dinyatakan di atas, masalah pengurusan harta akan dapat diselesaikan dengan baik kerana tiada tuntutan selepas itu.

Yayasan Pemegang Amanah Peneroka: Seperti kita maklum tanah peneroka FELDA bagi harta sepercarian meliputi tanah ladang, tanah tapak rumah, rumah dan harta-harta lain yang dibahagikan mengikut ketetapan mahkamah syariah negeri. Oleh itu apabila diwujudkan yayasan pemegang amanah peneroka, isu-isu seperti kes kematian penama sebelum sempat harta pusaka peneroka yang meninggal dunia diuruskan pembahagiannya kepada ahli waris dapat ditangani dan sebagai alternatif baru untuk memudahkan proses pembahagian harta pusaka ini dengan lebih berkesan.

Wujudkan Koperasi Satu Keluarga: Apabila koperasi diwujudkan di FELDA ia dapat berkongsi menjalankan aktiviti perniagaan dalam satu keluarga. Usaha ini mampu meningkatkan ekonomi bagi ahli keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu perkongsian ini juga turut menjaga kebajikan setiap ahli keluarga dan silaturahim akan dapat dieratkan lagi. Fungsi dan manfaat koperasi keluarga ini, sedikit sebanyak turut menambahkan lagi program keusahawanan di setiap sebuah keluarga para peneroka supaya isu tanah tidak ekonomik atau terdapat ahli-ahli waris yang tidak mendapat tuntutan harta pusaka dapat ditangani dengan berhemah. Koperasi juga digalakkan meneroka bidang IKS iaitu sebagai pelengkap kepada projek SAWARI dan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian. Justeru itu, sistem pengurusan koperasi perlu dipertingkatkan lagi agar peranannya sebagai institusi peneroka dapat dimajukan. Khamis Mat Som (2003).

Kit Panduan Pengurusan Harta Pusaka Tanah Rancangan FELDA: Melalui analisis kajian-kajian yang lepas serta keskes pengurusan harta pusaka yang tertangguh, didapati terdapat segelintir ahli-ahli waris yang tidak memahami tentang prosedur-prosedur untuk menguruskan harta pusaka ini. Selain itu berlaku juga kes-kes yang mana bahagian pengurusan harta pusaka di pejabat tanah atau FELDA yang kurang teliti atau arif berkenaan prosedur yang betul untuk tuntutan harta pusaka bagi peneroka yang telah meninggal dunia. Masalah ini yang merugikan masyarakat FELDA apabila kes-kes harta pusaka tertangguh dan tidak dituntut oleh ahli-ahli waris.

Sebagai alternatif baru, penulis mencadangkan sebuah kit panduan khusus pengurusan harta pusaka tanah rancangan FELDA diperkenalkan. Kit panduan ini mengandungi contoh-contoh borang serta prosedur-prosedur penting yang perlu diikuti oleh ahli-ahli waris semasa menuntut harta pusaka dan juga tugas serta tanggungjawab yang sewajarnya dilakukan oleh pihak pejabat tanah atau FELDA. Justeru itu, kaedah ini dapat melancarkan proses pengurusan harta pusaka dapat diselesaikan dengan harmoni dan lancar. (Narizan, 2019)

Bagi mengekalkan kesejahteraan hubungan kekeluargaan masyarakat peneroka, FELDA perlu menghapuskan sekatan Seksyen 14 di bawah Akta Tanah GSA 1960. Dengan kata lain tiada isu pindahmilik tanah yang akan dibuat kepada waris dari generasi kedua. Oleh yang demikian, kontrak baru akan dibuat antara pihak Felda dan pemilik baru bagi mengusahakan tanah tersebut. Seperti kata Shamsul (1992), kerajaan menyediakan skim 'beli secara ansuran' untuk pembangunan tanah peneroka, untuk tujuan ini tempoh pembayaran balik antara 10 hingga 35 tahun difikirkan sesuai. Skim ini akan mendapatkan kembali kosnya melalui 'bayaran secara mudah' sebaik sahaja tanah yang dikerjakan itu mula mengeluarkan hasil. Peneroka akan dapat menikmati hasil dari tanah tersebut sepenuhnya apabila telah selesai membayar kos tanaman yang dipinjamkan oleh kerajaan. Justeru, perlu adanya kesedaran pendidikan secara berterusan terhadap generasi kedua dan seterusnya penjelasan tentang pewarisan tanah Felda yang sebenar dari segi pemilikannya.

Sesuai dengan tema "Harta Sepencarian: Antara Kemaslahatan dan Kemudabatan Melalui Dimensi Syariah dan Undang-Undang" adalah bertujuan untuk mencari jalan tengah dan titik persamaan agar tidak timbul fahaman ekstrim atau sikap tidak ambil kisah berkaitan polemik ini. Maka, tajuk artikel ini iaitu harta sepencarian dan warisan dalam konteks strategi model baharu felda: satu plan inovasi warisan keluarga dilihat amat signifikan untuk diketengahkan pada masa kini agar cambahan ilmu pengetahuan mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan dapat dicakna, diperhalusi

dan diterjemahkan dalam realiti masyarakat yang cintakan keadilan dan kesaksamaan.

## RUJUKAN

A. H. Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1987.

A. Yaqin, *Legal research writing*. Malaysia: LexisNexis, 2007.

Al-Dasuqiy, *Hashiah al-Dasuqiy*, Beirut; Dar al-Fikr. Jld 4/ Hlm 69.

Al-Dasuqiy. Jld 4/Hlm 29. *Al-Khatib*. Hlm 350. Ibn Qudamah. Jld 5/Hlm 347.

Al-Farra, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Beirut; Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 2000. Hlm 231.

Al-Farra. Hlm 231. Abu Yusof, *al-Kharraj*, Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath. Hlm 76-78.

Al-Khatib, *al-Iqna'*, Beirut; Dar al-Fikr, 2001. Hlm 357.

Al-Mawardiy, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Kaherah; Dar al-Hadith. Hlm 283.

Al-Sayuti, *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, (Kaherah: 'Isa Al-Halabi), hlm 99.

Daud Mohamad, "*Harta Sepencarian, Isu-isu dan Amalan*", *Jurnal Hukum*, 15:1 (2002): 3-11.

Ibn 'Abidin, *Hashiah Ibn 'Abidin*, Beirut: Dar al-Fikr, 1992. Jld 6/Hlm 432.

Ibn 'Abidin. Jld 4/Hlm 194.

Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Kaherah, 1968. Jld 5/Hlm 416.

Koentjaraningrat (ed.), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, 1986.

M. H. Yusuf, "*Hubungan antara Kelompok*", dalam Abdul Halim Othman (eds), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.



M. Zahraa, *Research methods for law postgraduates' overseas students*. Univision: Glasgow, 1998.

Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin, *Jurnal Al-Basirah*, Volume 6, No. 1, December 2016, hlm 85-86.

Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*, (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1987), hlm 133.

Nik Azam Masri Nik Mahmood, "*Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan di Negeri Kelantan; Kajian Kes di antara Tahun 1999-2003*", (Disertasi Sarjana Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 35

Nik Azam Masri Nik Mahmood, "*Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan di Negeri Kelantan; Kajian Kes di antara Tahun 1999-2003*", hlm 14.

*Perkara 36, Majalah Ahkam al-Adliyyah*, (Beirut: Matba'ah Sya'ariku 1968).

*Qalyubiy, Hashiah Qalyubiy wa 'Umairah*, Beirut; Dar al-Fikr, 1995. Jld 3/Hlm 93.

Rohani Abdul Rahim, *Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan*. Seminar Kemantapan Akademik UKM, 2002.

S. A. Idid, *Analisa Kandungan*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM, 1999.

S. Rejab dan N. Abdullah, *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

Siti Zalikhah Mohd Nor, *Pemilikan Harta dan Perkahwinan (Harta Sepencarian), Isu Syariah dan Undang- Undang*, (Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Siri 5, 1998), 69-78.

Suwaid bin Tapah, "*Konsep dan Amalan Harta Sepencarian Orang-Orang Islam di Malaysia*," 254.

Zaini Nasuhah, *Perceraian: Hak Islam*, (Kuala Lumpur: Lohprint Sdn.Bhd., 2002), hlm 78.

#### Statut

Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1967

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 telah digubal di bawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan

### Senarai kes

BR lwn. MS, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor. Kes Rayuan No. 10000-041-0160-2017,

Amnah Bt Ariffin Lwn. Noor Azhar Bin Umar. Dalam Mahkamah Tinggi Syariah di Seremban Dalam Negeri Sembilan Darul Khusus

Kes Mal No 05100-017-0399 Tahun 2007 Kes Sepencarian Felda, Tuntutan Hibah: Kamsiah Yusof Lwn Latifah Dan Tiga Yang Lain,

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang Darul Makmur,

Di Kuantan Kes Mal No: 06200-017-0137-2009 Antara Jamaliah Binti Jathi Dan Amiruddin bin Mahmud Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

### Temubual dalam Talian

Dato' Seri Idris bin Jusoh, Pengerusi FELDA 2020.

Tan Sri Abdul Wahid Omar, Pengerusi Bursa Malaysia.

Y.A. Hamizan Mohd Nor, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Port Dickson.

### **Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.